



KENYATAAN RASMI
20 Januari 2022

**PR1MA PERKUKUH HUBUNGAN DENGAN KERAJAAN NEGERI UNTUK
MEMPERKASA PEMILIKAN RUMAH MAMPU MILIK**

Kepimpinan PR1MA turut turun padang untuk melihat kemajuan pembinaan di tapak

JOHOR BHARU, 20 Jan – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) akan terus memperkukuhkan hubungan bersama Kerajaan negeri untuk memperkasa pemilikan rumah mampu milik di negeri Johor terutamanya dalam kalangan anak muda.

Pengerusi PR1MA Dato' Dr Fathul Bari bin Mat Jahya berkata, pihak PR1MA telah bertemu dengan Menteri Besar Johor, YAB Datuk Ir. Hj. Hasni bin Mohammad untuk membincangkan cabaran pemilikan rumah di negeri ini di samping meneroka lebih banyak peluang bagi PR1MA melaksanakan mandatnya dalam membina rumah mampu milik untuk golongan M40.

“Perbincangan dua hala antara PR1MA dan pejabat YAB Menteri Besar meliputi pelbagai perkara termasuk perancangan masa hadapan untuk membina lebih banyak kediaman mampu milik selari dengan aspirasi Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) terutamanya untuk anak muda,” katanya.

Di Johor, PR1MA telah selesai membangunkan tiga residensi PR1MA iaitu Residensi Taman Nusantara, Residensi Layangkasa, dan Residensi Tebrau manakala tiga lagi masih dalam pembinaan iaitu Residensi Larkin Indah, Residensi Kota Tinggi dan Residensi Pelangi Indah.

Di samping itu, pihak pengurusan PR1MA di bawah kepimpinan Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA Datuk Hj. Mohd Nazri bin Md. Shariff bersama Dato' Dr Fathul Bari bin Mat Jahya juga telah turun padang untuk melihat perkembangan pembinaan di tapak di samping bertemu pihak kontraktor untuk melihat kemajuan pembangunan di tapak pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

PR1MA juga telah mengarahkan pihak kontraktor Residensi Tebrau untuk mempercepatkan proses pembaikan serta melaksanakan pemasangan rangkaian jalur lebar dalam masa terdekat.

Bagi Residensi Kota Tinggi pula, PR1MA telah mengadakan pertemuan empat mata bersama pihak kontraktor yang dilantik serta menggesa mereka untuk mempercepatkan penyiapan kediaman tersebut. PR1MA juga telah berbincang dengan pihak berkuasa tempatan dan pemimpin setempat untuk memastikan projek ini dapat disiapkan dalam garis masa yang telah ditetapkan.



Untuk sebarang maklumat mengenai PR1MA, sila layari laman sesawang PR1MA di www.pr1ma.my atau hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada cuti umum di Negeri Selangor) atau e-emel kepada info@pr1ma.my.

-TAMAT-
